



**Zaidatul akan menyertai** acara 100m, 200m dan 4x100m apabila saingan olahraga membuka tirai di Stadium Nasional, pada 22 Ogos ini.

# Zaidatul sandaran negara

■ Mampu akhiri kemarau emas acara pecut, kali terakhir diraih pada 1997 menerusi G Shanti

Oleh Devinder Singh  
devinder@nst.com.my

■ Kuala Lumpur

Kali terakhir atlet negara berdiri di atas podium dalam acara pecut wanita di Sukan SEA ialah 20 tahun lalu, namun kemarau itu diharap berakhir dengan keha-

diran Zaidatul Husniah Zulkifli. Kemenangan berganda G Shanti dalam acara 100m dan 200m pada 1997 adalah kejayaan terakhir atlet negara memenangi pingat dalam dua acara berkenaan.

Kini harapan itu disandarkan kepada Zaidatul, yang akan menyertai acara 100m, 200m dan 4x100m apabila saingan olahraga membuka tirai pada 22 Ogos di Stadium Nasional, Bukit Jalil berikutan prestasi cemerlang di Afrika Selatan awal tahun ini.

Atlet kelahiran Pulau Pinang itu mencatat 11.36 saat dengan bantuan angin dalam acara 100m sebelum ‘memecahkan’ rekod kebangsaan 11.50s milik Shanti pada 1993 dengan catatan 11.45 di Bloemfontein.

Catatan itu bagaimanapun tidak diiktiraf sebagai rekod baharu atas sebab-sebab teknikal, namun ia lang-

sung tidak menjelaskan semangat Zaidatul.

“Saya tahu ramai yang akan menyaksikan acara pecut, terutama 100m. Tetapi saya tidak mahu letak jangkaan terlalu tinggi,” kata Olimpian 2016 di Rio de Janeiro dalam satu wawancara yang diatur oleh penanjanya, Under Armour.

#### Tidak mahu tertekan

“Saya tidak mahu berada di bawah tekanan. Lebih baik untuk tidak terlalu memikirkannya kerana ia akan mengganggu latihan saya dan saya tidak akan dapat tidur lena. Lebih baik tumpu kepada latihan.”

Catatan rasmi terbaik Zaidatul dalam 100m dan 200m tahun ini ialah 11.62s dan 23.80s - meletakkannya di kedudukan kedua dan keenam di Asia Tenggara.

Atlet Vietnam Le Tu Chinh memegang catatan terbaik di rantau ini dengan pada 11.47s dan



KUALA LUMPUR 2017  
SUKAN SEA KE - 29

19 - 30 OGOS 2017

Fakta nombor

11.36 SAAT

catatan terbaik 100m  
Zaidatul Husniah



23.50s dalam acara 100m dan 200m.

Zaidatul percaya dia perlu melakukan larian terbaiknya jika mahu meletakkan diri dalam senarai pemenang pingat.

“Saya sedang berusaha memperbaiki teknik, kelajuan dan ‘conditioning’ sebelum Sukan SEA,” katanya yang akan mencapai usia 24 pada 20 Ogos ini.

“Saya perlu bersedia untuk berlari dalam tiga acara tetapi saya pernah berdepan jadual sebegini sebelum ini.

“Ia cukup mencabar untuk memenangi pingat kerana Shanti adalah atlet terakhir memenanginya. Saya perlu berusaha keras kerana ia tidak akan hadir dengan mudah. Saya akan mengikuti arahan jurulatih dan dengan sokongan rakyat Malaysia, saya harap dapat melakukannya dengan baik.”

Zaidatul turut merakamkan penghargaan kepada Under Armour yang memberikan sokongan kepadanya.

→ SUKAN